

## **TAHAP KESEDARAN PELAJAR TAHUN 4 FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA TERHADAP PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)**

Surya Ain Ahmed<sup>1</sup>, Nor Hasniza Ibrahim<sup>2</sup>, Johari Surif<sup>3</sup> dan Abdul Halim Abdullah<sup>4</sup>

<sup>1234</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia

[cuya@yahoo.com](mailto:cuya@yahoo.com)

[p-norhaniza@utm.my](mailto:p-norhaniza@utm.my)

[johari\\_surif@utm.my](mailto:johari_surif@utm.my)

[p-halim@utm.my](mailto:p-halim@utm.my)

### **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tahap kesedaran pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Bagi mencapai tujuan ini, tahap kesedaran pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan UTM berkenaan pelaksanaan PBS dan langkah-langkah penambahbaikan PBS dikenalpasti. Kajian rintis digunakan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen kajian dan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.902. Seramai 150 orang pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan UTM telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Data dikumpul dalam bentuk soal selidik dan temubual. Soalan dalam set soal selidik terdiri daripada 35 item yang berskala likert. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan teknik statistik deskriptif iaitu frekuensi, dan peratusan. Manakala temubual dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan. Hasil daripada kajian ini, didapati bahawa pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan hanya mempunyai tahap kesedaran yang umum mengenai pelaksanaan PBS, mereka tidak mengetahui kaedah pelaksanaan PBS secara lebih terperinci. Tambahan pula, pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan berpendapat PBS memberi kesan positif terhadap para pelajar di sekolah. Namun, masih ada beberapa penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi beberapa kelemahan dalam pelaksanaan PBS. Mereka juga berpendapat pihak-pihak yang bertanggungjawab terutamanya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambilkira pandangan guru-guru terhadap pelaksanaan PBS seterusnya melaksanakan kajian terperinci mengenai kebaikan dan keburukan PBS. Manakala pihak guru-guru perlu mengambil inisiatif untuk mengubah sikap mereka terutamanya dari aspek keadilan terhadap semua pelajar. Guru-guru juga perlu bijak membahagi masa antara pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan pelaksanaan PBS. Seterusnya, guru-guru perlu bijak mempelbagai kaedah pengajaran yang dijalankan oleh mereka sepanjang proses PdP. Oleh itu diharapkan kajian ini dapat digunakan untuk menambahbaik pelaksanaan PBS di peringkat sekolah dan meningkatkan lagi sistem penilaian pendidikan di Malaysia.

Kata kunci: Kesedaran, PBS, PdP, Pentaksiran

### **1. PENGENALAN**

Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) adalah suatu proses penilaian berterusan yang dijalankan ke atas pelajar. Melalui PBS, para pelajar dinilai secara berterusan dan bukannya sekadar dinilai di hujung pembelajaran mereka. Pelajar dinilai sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan di sekolah. Tao (2009) berdasarkan Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Hong Kong, menyatakan bahawa penilaian berasaskan sekolah adalah penilaian oleh guru mata pelajaran sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran dan markah akan dibawa dan dikira kepada keputusan bagi peperiksaan awam. Tujuan PBS

dilaksanakan adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada hasil Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), samada berkesan ataupun tidak. PBS juga memberi ruang kepada pelajar untuk meluaskan lagi kebolehan mereka dalam proses pembelajaran, supaya tidak terhad kepada peperiksaan semata-mata.

Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) yang mula diperkenalkan di peringkat sekolah rendah pada tahun 2011 dan di peringkat sekolah menengah pada tahun 2012 merupakan salah satu langkah kementerian untuk menolak desas desus yang mengatakan sistem pendidikan di Malaysia hanya berpaksikan peperiksaan semata-mata. Pelaksanaan PBS sekaligus memansuhkan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Menurut Ainul Asniera Ahsan (2012), Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa selepas tahun 2014, hanya ada dua peperiksaan utama yang dijalankan iaitu Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) merupakan pentaksiran bersifat holistik yang menekankan tiga aspek utama iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Tao (2009) menyatakan bahawa PBS adalah suatu sistem penilaian bersifat holistik, ianya menawarkan proses penilaian yang lebih menyeluruh mengenai prestasi pelajar di samping guru-guru dapat memberikan respon mereka dalam usaha meningkatkan pemahaman pelajar dalam PdP.

PBS di Malaysia sebenarnya bukanlah satu isu baru kepada sistem pendidikan di Malaysia kerana sebelum ini sudah wujud proses pentaksiran seperti Penilaian Kerja Amali (PEKA) bagi mata pelajaran Sains, Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) bagi subjek Pendidikan Islam, Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) bagi subjek Bahasa dan juga Pentaksiran Lisan Berasaskan Sekolah (PLBS) yang dijalankan di sekolah dan direkodkan. Tambahan pula, kuiz, kerja rumah yang diberikan kepada pelajar, dan projek-projek sampingan merupakan pentaksiran oleh guru yang dijalankan tetapi tidak direkodkan sebelum ini. Malahan pentaksiran ini menjadi prasyarat untuk lulus peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Kerja-kerja berbentuk praktikal seperti ini sedikit sebanyak membantu pelajar dalam mengembangkan daya pemikiran yang kritis dan kreatif. Menurut T. Subahan (2009), pelajar yang terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mampu melahirkan modal insan yang mantap dari segi kreativiti, pemikiran kritikal dan inovatif.

## 1.1 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan suatu langkah Kementerian Pelajaran dalam melaksanakan transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia. Melalui PBS, pelajar bukan sahaja diuji dari aspek akademik, malahan bidang bukan akademik. Namun demikian, terdapat beberapa permasalahan atau cabaran yang dihadapi oleh para guru dalam proses melaksanakan pentaksiran tersebut. Antaranya ialah guru-guru mempunyai masalah dalam menerima sesuatu perubahan terhadap dasar pentaksiran di peringkat sekolah. Seseorang guru mungkin tahu proses dan implementasi pentaksiran, berpeluang menghadiri kursus penyebaran kurikulum baharu dan sebagainya, tetapi komitmen lain kadang-kadang mengekang seseorang guru untuk melaksanakan pentaksiran yang berkesan dan berkualiti di sekolah. Selain itu, masalah yang dikenalpasti dalam kalangan guru adalah mereka belum faham sepenuhnya tentang konsep PBS dan kurangnya pengetahuan untuk mengembangkan tugas-tugas pentaksiran. Kurangnya fahaman terhadap matlamat dan prosedur pelaksanaan pentaksiran di sekolah sering dipersoalkan kerana guru dianggap kurang professional. Hal ini menyebabkan guru-guru menjalankan pentaksiran mengikut cara dan kehendak mereka sendiri tanpa merujuk

kepada garis panduan yang telah ditetapkan. Seterusnya, guru-guru tidak kreatif dalam melaksanakan pentaksiran mahupun PdP di dalam kelas. Hal ini menyebabkan pelajar cepat bosan dan hilang fokus terhadap isi pengajaran yang cuba disampaikan oleh guru. Kewujudan PBS menyebabkan guru-guru berhadapan pelbagai tahap kepintaran, sikap dan karenah murid. Jadi, guru perlu bijak menghadapi pelbagai jenis murid dan pandai membahagikan perhatiannya kepada semua pelajar.

Isunya di sini, adakah PBS benar-benar memberi kesan negatif kepada pelajar dan guru dan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang boleh diambil untuk mengatasi permasalahan tersebut? Justeru, kajian ini dijalankan untuk meninjau tahap kesedaran pelajar tahun akhir yang bakal menjadi guru kelak mengenai pelaksanaan PBS dan penambahbaikannya dari sudut pandangan mereka sendiri.

## **1.2 Objektif Kajian**

- 1) Mengenalpasti tahap kesedaran pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap pelaksanaan PBS.
- 2) Mengenalpasti tahap kesedaran pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap langkah-langkah penambahbaikan PBS.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian gabungan iaitu gabungan antara kajian kuantitatif dan kajian kualitatif. Penggunaan banyak kaedah dalam proses pengumpulan data dapat mengukuhkan lagi kesahan dalam reka bentuk kajian yang dijalankan (Marhaini, 2001). Terdapat perbezaan yang nyata antara penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Namun, kedua-dua kaedah ini memerlukan antara satu sama lain (Mohamad Hisyam, 2011). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif.

### **2.1 Persampelan Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan persampelan kebarangkalian rawak mudah untuk menentukan saiz persampelan. Persampelan rawak memberikan peluang kepada setiap individu dalam populasi untuk dipilih sebagai sampel. Persampelan rawak mudah ini ialah proses dari mana-mana unit dipilih secara individu dan langsung melalui proses rawak Azizi et. al, (2007). Hal ini kerana populasi mempunyai sifat yang hampir seragam. Bagi mendapatkan data menerusi soal selidik, sebuah Fakulti Pendidikan di UTM dipilih dan sebanyak tujuh kursus terlibat sebagai sampel kajian ini. Berdasarkan Jadual Morgan (1970), jumlah sampel boleh terus didapati jika pengkaji tahu bilangan sebenar populasi. Dalam kajian ini, jumlah populasi adalah sebanyak 222 orang pelajar. Maka, jumlah sampel yang diperlukan adalah sebanyak 144 orang pelajar tahun akhir. Tetapi, penyelidik telah menetapkan untuk memilih 150 orang pelajar tahun akhir sebagai responden kajian ini.

Seterusnya, bagi mendapatkan data menerusi kaedah temubual, penyelidik menggunakan persampelan bertujuan. Seramai 6 orang responden telah dipilih secara bertujuan untuk menjawab objektif kajian ini. Persampelan bertujuan digunakan oleh penyelidik dengan kepercayaan bahawa responden yang dipilih adalah terdiri daripada individu yang menjadi wakil bagi sesuatu populasi yang ingin dikaji.

## **2.2 Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan set soal selidik. Instrumen soal selidik mengandungi tiga bahagian utama iaitu Bahagian A (maklumat demografi), Bahagian B (Tahap kesedaran terhadap pelaksanaan PBS) dan Bahagian C (Tahap kesedaran terhadap langkah-langkah penambahbaikan) yang menggunakan skala Likert 5 mata dalam menilai maklum balas responden kajian.

## **2.3 Kajian Rintis**

Dalam kajian ini, kajian rintis dijalankan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan instrumen yang dibina dan bersesuaian dengan situasi responden yang terlibat. Menurut Asriman Kassan (2009), nilai maksimum bagi pekali kebolehpercayaan adalah 1. Jika nilai pekali tersebut kurang dari 0.6, maka kebolehpercayaan bagi instrumen tersebut adalah rendah. Manakala menurut Mohd Najib (1998), pekali Alpha Cronbach bagi instrumen kajian adalah seperti berikut:

Jadual 1: Pekali Alpha Cronbach

Nilai Alpha ( $\alpha$ )	Tahap Kebolehpercayaan
0.0-0.2	Rendah (Ubah semua item)
0.2-0.8	Sederhana (Ubah sesetengah item)
0.8-1.0	Tinggi (Item boleh diterima)

Dalam kajian ini, kajian rintis telah dijalankan ke atas instrumen soal selidik untuk melihat indeks kebolehpercayaan. Selain itu 3 orang pensyarah dari Fakulti Pendidikan yang mempunyai pengetahuan berkenaan PBS telah mengesahkan instrumen soal selidik ini. Seramai 10 orang responden telah terlibat dalam kajian rintis ini dan data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 16.0 untuk mengetahui nilai *Alpha Cronbach* untuk instrumen soal selidik. Nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi adalah 0.902. mengikut Cohen et al., (2011), nilai *Alpha Cronbach* yang melebihi 0.90 menunjukkan kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Oleh itu, nilai *Alpha Cronbach* dalam kajian ini adalah berada dalam julat 0.90 dan ke atas maka instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

## **2.4 Analisis Data**


Dalam kajian ini, hasil dapatan dari kajian yang dijalankan dianalisis menggunakan perisian SPSS menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan min manakala bagi data berbentuk kualitatif, data tersebut dianalisis menggunakan analisis kandungan. Menurut Zulzana (2011), berikut merupakan interpretasi skor min yang digunakan dalam kajian ini untuk menentukan interpretasi bagi jawapan-jawapan responden dalam soal selidik:

Jadual 2: Interpretasi skor min

Skor Min	Maksud Skala (Tahap)
>3.67	Tinggi
2.33~3.67	Sederhana
<2.33	Rendah


### 3. KEPUTUSAN

Dalam kajian ini, responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun 4 di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai.



Rajah 1: Peratus responden berdasarkan jantina

Merujuk kepada Rajah 3.1, bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah 150 orang pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM, Skudai iaitu terdiri daripada 85 orang (57 peratus) pelajar perempuan dan 65 orang (43 peratus) pelajar lelaki.



Rajah 2: Kekerapan responden yang pernah melaksanakan PBS

Rajah 2 menunjukkan bahawa majoriti pelajar iaitu seramai 84 orang (56 peratus) pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM, Skudai tidak pernah melaksanakan PBS, manakala seramai 66 orang (44 peratus) pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM, Skudai pernah melaksanakan PBS.

### **3.1 Tahap Kesedaran Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)**

Tahap kesedaran pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) terbahagi kepada dua iaitu definisi PBS dan pelaksanaan PBS.

#### **3.1.1 Definisi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)**

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa purata min keseluruhan bagi item 1-5 adalah 3.96. Nilai ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan terhadap definisi PBS secara puratanya pada tahap tinggi. Ia menunjukkan bahawa majoriti responden pasti dengan kefahaman mereka berkenaan definisi PBS.

Jadual 3: Taburan mengikut item Definisi Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

	Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		Purata/Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
1.	Saya tahu apa yang dimaksudkan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).	4	2.7	5	3.3	23	15.3	91	60.7	27	18.0	3.88
2.	PBS ialah Penilaian yang dijalankan oleh guru matapelajaran secara berterusan.	1	0.7	4	2.7	14	9.3	93	62.0	38	25.3	4.09
3.	Band 1 adalah Band TERENDAH manakala Band 6 adalah Band TERTINGGI dalam PBS.	4	2.7	6	4.0	22	14.7	71	47.3	47	31.3	4.01
4.	Pencapaian pelajar dinilai melalui penilaian berterusan sepanjang waktu kelas dan bukannya sekadar dinilai di hujung pembelajaran sahaja.	3	2.0	6	4.0	16	10.7	89	59.3	36	24.0	3.99
5.	Pelajar dinilai melalui kerja rumah yang diberikan, latihan sewaktu dalam kelas dan aktiviti berkumpulan.	2	1.3	10	6.7	29	19.3	81	54.0	28	18.7	3.82

Berdasarkan Jadual 3, item 2 menunjukkan min tertinggi iaitu 4.09. Hal ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa PBS ialah penilaian yang dijalankan oleh guru mata pelajaran secara berterusan. Seramai 25.3 peratus (38 orang) responden memilih sangat setuju dan seramai 62 peratus (93 orang) responden memilih setuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini turut disokong dengan jawapan-jawapan daripada responden dari sesi temu bual yang telah dijalankan. Berdasarkan temubual, 83.33 peratus responden menyatakan bahawa PBS merupakan suatu penilaian berterusan dan tidak tertumpu pada ujian atau peperiksaan akhir tahun.

Manakala item 3 menunjukkan min kedua tertinggi iaitu sebanyak 4.01. Hal ini menunjukkan sebahagian besar responden bersetuju bahawa band 1 adalah band terendah manakala band 6 adalah band tertinggi. Seramai 31.3 peratus (47 orang) sangat bersetuju dan seramai 47.3 peratus (71 orang) bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Manakala item 1 pula merupakan item yang mempunyai nilai min terendah iaitu 3.82. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa pelajar dinilai melalui kerja rumah yang diberikan, latihan sewaktu dalam kelas dan aktiviti berkumpulan. Seramai 18.7 peratus (28 orang) responden sangat bersetuju dan seramai 54 peratus (81 orang) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini turut disokong dengan jawapan responden daripada sesi temu bual. Berdasarkan temubual, 50 peratus responden menyatakan bahawa pelajar boleh dinilai melalui pelbagai cara mengikut kesesuaian situasi.

### 3.1.2 Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)

**Jadual 4:** Taburan mengikut item pelaksanaan PBS

	Item	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		Purata/Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
6.	PBS lebih mudah dijalankan berbanding ujian bulanan dan peperiksaan akhir tahun.	30	20.0	34	22.7	41	27.3	29	19.3	16	10.7	2.78
7.	PBS membantu pelajar menguasai setiap subtopik atau kemahiran dalam subjek tertentu.	15	10.0	24	16.0	41	27.3	48	32.0	22	14.7	3.25
8.	Jika pelajar gagal menguasai subtopik/kemahiran tertentu, pelajar perlu mengulangi soalan PBS yang sama sehingga mereka menguasainya.	7	4.7	7	4.7	33	22.0	83	55.3	20	13.3	3.68
9.	PBS dapat membantu pelajar mencungkil kebolehan yang ada dalam diri mereka.	3	2.0	27	18.0	36	24.0	69	46.0	15	10.0	3.44
10.	PBS memberi tekanan kepada pelajar kerana perlu menjawab banyak soalan setiap kali tamat subtopik tertentu.	3	2.0	17	11.3	37	24.7	69	46.0	24	16.0	3.63
11.	Saya tahu bahawa PMR akan dimansuhkan dan digantikan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Menengah Rendah (PBSMR).	3	2.0	7	4.7	22	14.7	87	58.0	31	20.7	3.91
12.	Melalui PBS, pelajar tidak lagi berasa tertekan untuk menghadapi Peperiksaan utama seperti PMR.	19	12.7	20	13.3	51	34.0	44	29.3	16	10.7	3.12
13.	PBS menjadikan pelajar bersikap sambilewa terhadap pengajaran guru di dalam kelas.	5	3.3	18	12.0	33	22.0	51	34.0	43	28.7	3.73
	PURATA MIN KESELURUHAN ITEM											3.44

Merujuk kepada Jadual 4, purata min keseluruhan bagi item 6-13 adalah 3.44. Nilai ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan terhadap pelaksanaan PBS secara puratanya pada tahap sederhana. Ia menunjukkan majoriti responden tidak pasti tentang pelaksanaan PBS. Hal ini besar kemungkinan disebabkan mereka masih lagi belajar di Universiti, hanya sebahagian daripada mereka yang telah melaksanakan PBS semasa Latihan Mengajar.

Item 11 menunjukkan min tertinggi iaitu 3.91. Hal ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa mereka tahu PMR akan dimansuhkan dan digantikan dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Menengah Rendah (PBSMR). Seramai 20.7 peratus (31 orang) sangat bersetuju dan seramai 58.0 peratus (87 orang) dengan pernyataan tersebut.

Seterusnya, item 13 menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 3.73. Hal ini menunjukkan sebahagian besar responden bersetuju bahawa PBS menjadikan pelajar bersikap sambilewa terhadap pengajaran guru di dalam kelas. Seramai 28.7 peratus (43 orang) responden sangat bersetuju manakala seramai 34.0 peratus (51 orang) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapatkan ini turut disokong dengan jawapan-jawapan daripada responden dari sesi temu bual. Seramai 66.67 peratus responden berpendapat bahawa PBS menyebabkan pelajar semakin bersikap tidak serius dan bermain-main terhadap pelajaran mahupun PBS.

Manakala item 6 menunjukkan nilai min terendah iaitu 2.78. Nilai min ini menunjukkan sebahagian pelajar tidak pasti samada PBS lebih mudah dijalankan berbanding ujian bulanan dan peperiksaan akhir. Seramai 10.7 peratus (16 orang) responden sangat setuju dan seramai 19.3 peratus (29 orang) responden bersetuju bahawa PBS lebih mudah dijalankan berbanding ujian bulanan dan peperiksaan akhir. Dapatkan ini turut disokong oleh dapatan daripada sesi temu bual. Berdasarkan temubual, 16.67 peratus responden menyatakan bahawa PBS adalah lebih mudah dijalankan berbanding ujian bulanan dan peperiksaan akhir.

### **3.2 Tahap Kesedaran Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan Terhadap Langkah-Langkah Penambahbaikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)**

Tahap kesedaran pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan terhadap langkah-langkah penambahbaikan pentaksiran berasaskan sekolah (PBS) terbahagi kepada dua iaitu Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Usaha Guru-Guru.

#### **3.2.1 Usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

**Jadual 5:** Taburan mengikut item usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

	Item	Sangat Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		Purata/Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
14.	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) perlu dikaji semula.			1	0.7	9	6.0	72	48.0	68	45.3	4.38
15.	Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) perlulah mesra pengguna.			1	0.7	16	10.7	65	43.3	68	45.3	4.33
16.	Akses kepada Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) perlulah mudah capaiannya.			2	1.3	17	11.3	64	42.7	67	44.7	4.31
17.	Urusan merekod penilaian pelajar seperti kerja-kerja pemfailan perlulah dikurangkan.			3	2.0	16	10.7	66	44.0	65	43.3	4.29
18.	Jawatankuasa PBS di peringkat sekolah perlu diwujudkan untuk menyelia pelaksanaan PBS di sekolah.			2	1.3	10	6.7	72	48.0	66	44.0	4.35

19.	Pihak KPM perlu melaksanakan kajian terperinci mengenai kebaikan dan keburukan pelaksanaan PBS.	1	0.7			9	6.0	66	44.0	74	49.3	4.41
20.	Guru-guru perlu diberi kursus dan latihan yang cukup tentang pelaksanaan PBS.	1	0.7			12	8.0	65	43.3	72	48.0	4.38
21.	Pandangan guru mengenai PBS perlu didengari dan diambilkira.					7	4.7	69	46.0	74	49.3	4.45
22.	Pandangan pelajar mengenai PBS perlu didengari dan diambilkira.	1	0.7			12	8.0	68	45.3	69	46.0	4.36
23.	Pelajar perlu diberi taklimat mengenai objektif pelaksanaan PBS.					12	8.0	68	45.3	70	46.7	4.39
	PURATA MIN KESELURUHAN ITEM											4.37

Sejajar dengan Jadual 5 di atas, didapati purata min keseluruhan bagi item 14-23 adalah 4.37. Nilai min ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan terhadap usaha penambahbaikan oleh pihak KPM secara puratanya pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden pasti dengan kesedaran mereka berkenaan usaha pihak KPM.

Item 21 menunjukkan min tertinggi dengan nilai min 4.45. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa pihak KPM perlu mendengar dan mengambilkira pandangan guru mengenai isu PBS. Seramai 49.3 peratus (74 orang) sangat bersetuju dan seramai 46.0 peratus (69) orang responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Tiada responden yang memilih tidak setuju atau sangat tidak setuju berkenaan kenyataan item tersebut.

Seterusnya, item 19 menunjukkan min kedua tertinggi iaitu 4.41. Nilai min ini menunjukkan bahawa sebilangan besar responden bersetuju bahawa pihak KPM perlu melaksanakan kajian terperinci mengenai kebaikan dan keburukan pelaksanaan PBS. Seramai 49.3 peratus (74 orang) responden sangat bersetuju dan seramai 44.0 peratus (66 orang) responden bersetuju dengan kenyataan item tersebut.

Manakala item 17 menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.29. Nilai min ini menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan kenyataan item bahawa KPM perlu melaksanakan penambahbaikan dengan memastikan urusan merekod penilaian pelajar seperti kerja-kerja pemfailan perlulah dikurangkan. Seramai 43.3 peratus (65 orang) sangat bersetuju manakala seramai 44 peratus (66 orang) bersetuju dengan pernyataan tersebut.

### 3.3 Usaha Guru-Guru

Purata min keseluruhan bagi item 24-35 adalah 4.27. Nilai min ini secara puratanya menunjukkan bahawa tahap kesedaran pelajar akhir berkenaan usaha guru-guru adalah pada tahap yang tinggi (rujuk Jadual 6). Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden pasti dengan kesedaran mereka terhadap usaha para guru.

Item 25 mencatatkan min tertinggi iaitu 4.33. Nilai min ini menunjukkan sebilangan besar responden bersetuju bahawa guru perlu bersikap adil terhadap semua pelajar. Seramai 45.3

peratus (68 orang) responden sangat setuju dan seramai 44.0 peratus (66 orang) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut.

**Jadual 6:** Taburan mengikut item usaha guru-guru

	Item	Sangat Setuju		Tidak Setuju		Tidak Pasti		Setuju		Sangat Setuju		Purata/Min
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
24.	Guru-guru perlu lebih bersemangat dalam melaksanakan penilaian terhadap pelajar masing-masing.	1	0.7	3	2.0	9	6.0	90	60.0	47	31.3	4.19
25.	Guru-guru perlu bersikap adil terhadap semua pelajar.			2	1.3	14	9.3	66	44.0	68	45.3	4.33
26.	Guru-guru perlu lebih komited dalam menyediakan soalan-soalan untuk penilaian PBS.			1	0.7	14	9.3	81	54.0	54	36.0	4.25
27.	Guru-guru tidak bersikap sambil lewa dalam merekod penilaian yang telah dijalankan.	1	0.7	4	2.7	22	14.7	69	46.0	54	36.0	4.14
28.	Guru-guru perlu yakin terhadap kebolehan setiap pelajar mereka.			2	1.3	9	6.0	87	58.0	52	34.7	4.26
29.	Guru-guru perlu memberi perhatian kepada pelajar yang lemah dan ketinggalan dalam subtopik tertentu.			1	0.7	8	5.3	87	58.0	54	36.0	4.29
30.	Guru-guru perlu menerangkan mengenai cara penilaian yang akan dijalankan kepada pelajar masing-masing.			3	2.0	10	6.7	73	48.7	64	42.7	4.32
31.	Guru-guru perlu lebih kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka.			1	0.7	10	6.7	82	54.7	57	38.0	4.30
32.	Guru-guru perlu peka terhadap perkembangan setiap pelajar mereka.			2	1.3	10	6.7	80	53.3	58	38.7	4.29
33.	Guru-guru perlu menguasai isi kandungan pengajaran yang akan diajar.					14	9.3	77	51.3	59	39.3	4.30
34.	Guru-guru perlu menguasai kaedah pelaksanaan PBS.	1	0.7	1	0.7	9	6.0	84	56.0	55	36.7	4.27
35.	Guru-guru perlu bijak membahagikan masa untuk melaksanakan PBS.			2	1.3	8	5.3	79	52.7	61	40.7	4.33
<b>PURATA MIN KESELURUHAN ITEM</b>										4.27		

Item 30 menunjukkan nilai min kedua tertinggi iaitu 4.32. Nilai min ini menunjukkan bahawa responden bersetuju guru-guru perlu menerangkan mengenai cara penilaian yang akan dijalankan kepada pelajar masing-masing. Seramai 42.7 peratus (64 orang) responden sangat setuju dan seramai 48.7 peratus (73 orang) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Item 27 menunjukkan nilai min terendah iaitu 4.14. Nilai min ini menunjukkan sebahagian besar responden bersetuju bahawa guru-guru tidak boleh bersikap sambil lewa dalam merekod penilaian yang telah dijalankan. Seramai 36.0 peratus (54 orang) responden sangat setuju dan seramai 46.0 peratus (69 orang) responden bersetuju dengan pernyataan tersebut.

#### **4. KESIMPULAN**

Keseluruhannya, majoriti pelajar-pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan mempunyai pengetahuan berkenaan PBS dan bagaimana ianya dijalankan namun, kefahaman mereka terhadap definisi PBS hanya secara umum sahaja, iaitu mereka tidak mengetahui pelaksanaan PBS secara lebih mendalam. Namun, ada segelintir pelajar yang hanya mengetahui serba sedikit sahaja mengenai PBS.

Pelajar-pelajar tahun akhir ini juga mengetahui mengenai isu PBS digantikan dengan PBSMR. Pelajar-pelajar ini juga berpendapat bahawa PBS menyebabkan pelajar bersikap sambilewa terhadap pelajaran mahupun pelaksanaan PBS. Namun, mereka tidak pasti sama ada PBS lebih mudah dijalankan berbanding ujian bulanan dan peperiksaan akhir.

Pelajar-pelajar tahun akhir sebulat suara sedar bahawa pihak KPM perlu mendengar pandangan dari pihak guru-guru berkenaan PBS. Berdasarkan dapatan kajian, boleh dilihat bahawa tiada responden yang tidak setuju dengan cadangan ini. KPM dikatakan perlu melaksanakan kajian terperinci untuk melihat kebaikan dan keburukan pelaksanaan PBS ini. Pihak KPM juga perlu memberi taklimat kepada para pelajar mengenai PBS serta kursus dan latihan untuk guru-guru berkenaan PBS. Selain itu, sistem pengurusan pentaksiran berasaskan sekolah (SPPBS) juga perlu ditambahbaik oleh pihak KPM.

Dari pihak guru-guru sendiri, pelajar-pelajar tahun akhir ini berpendapat mereka perlu lebih telus dan adil terhadap semua pelajar. guru-guru juga perlu bijak membahagi masa antara melaksanakan PdP dan PBS. Adalah penting untuk guru-guru memberikan penerangan mengenai cara penilaian yang akan dijalankan kepada pelajar masing-masing. Akhir sekali, pelajar-pelajar tahun akhir berpendapat guru-guru perlu bijak mempelbagai kaedah pengajaran supaya para pelajar lebih tertarik untuk belajar.

#### **5. PENGHARGAAN**

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Teknologi Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia di atas sokongan yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Kajian ini juga dibiayai oleh Geran Penyelidikan Asas (FRGS: R.J130000.7831.4F199) dari KPM dan UTM.

#### **RUJUKAN**

Azizi Yahaya, Yusof Boon, Shahrin Hashim dan Wan Zuraidah Wan Hamid. “*Hubungan Di antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Akademik*”. Di muat turun daripada [www.eprints.utm.my/229/1/Aziziyahaya.hubungan\\_gaya\\_pembelajaran\\_dengan\\_pencapaian.pdf](http://www.eprints.utm.my/229/1/Aziziyahaya.hubungan_gaya_pembelajaran_dengan_pencapaian.pdf).

Asriman bin Kassan. *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Keningau, Sabah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 2009.

David W. Morgan, Robert V. Krejcie (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement* 30, 607-610.

David E. Gray (2009). *Doing Research in the Real World*. 2<sup>nd</sup> Ed. SAGE Publications Ltd.  
Marohaini Yusoff. 2001. *Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan dalam bilik darjah*. Dlm. Marohaini Yusoff (pnyt.) Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian, hlm. 87-119. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohamad Hisyam bin Mohd. Hashim. Potensi Penyelidikan Kualitatif Dalam Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional*, Fakulti Pendidikan Teknikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2011.

M. Najib, A. G. (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Tao Wang Yu (2009), The Moderation of Liberal Studies School Based Assessment Scores: How To Ensure Fairness and Reliability? *International Education Studies*, Vol. 2 No. 4: 91-98.

T.Subahan Mohd Meerah, Lilia Halim & Kamisah Osman (2009). *Pengurusan Penglibatan Pelajar dalam Amali Sains*. Jurnal Pendidikan Malaysia, Jil. 34 (1), 205-217.

Zulzana binti Zulkarnain, Mohamed bin Saim & Roslina Abd Talib (2011). *Hubungan Antara Minat, Sikap dengan Pencapaian Pelajar dalam Kursus CC301- Quantity Measurement*. Politeknik Port Dickson.